

KHUTBAH JUMAAT

“MENCONTOHI ETIKA PEKERJAAN RASULULLAH SAW” (14 Disember 2018M/ 6 Rabiulakhir 1440H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْعَلِيِّ الْحَمِيدِ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ الْمَبْعُوثُ بِالرَّحْمَةِ وَالْقَوْلِ السَّديدِ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى فِي كِتَابِهِ الْعَزِيزِ :

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِمَنْ كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ

كَثِيرًا ﴿٢١﴾

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bertakwa kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan sebenar-benar ketakwaan, dengan mentaati segala perintahNya dan menjauhi segala laranganNya. Semoga Allah *subhanahu wata'ala* mengurniakan kepada kita kemantapan iman dan takwa, amin. Pada hari ini khatib akan membicarakan tajuk ***Mencontohi Etika Pekerjaan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.***

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Agama Islam mendorong umatnya untuk sentiasa berusaha untuk mencari sumber rezeki yang halal bagi menyara kehidupan. Sebagai umat Islam kita perlu sedar bahawa bekerja adalah suatu bentuk kewajipan yang perlu dilaksanakan. Kerana dengan bekerja

kita boleh menampung tanggungjawab seperti memberi nafkah kepada isteri, anak dan orang tua. Tambahan daripada itu, kita juga diberikan kemudahan untuk menunaikan amal ibadah seperti berzakat, infaq dan bersedekah. Perhatikan firman Allah *subhanahu wata'ala* di dalam surah Al-Qasas ayat 77:

وَأَبْتَغِ فِي مَآءِ آتَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ ۖ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا ۗ وَأَحْسِنَ
كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ ۖ وَلَا تَبْغِ الْفُسَادَ فِي الْأَرْضِ ۗ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ ﴿٧٧﴾

Maksudnya : *Dan tuntutanlah dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu akan pahala dan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu (keperluan dan bekalanmu) dari dunia; dan berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu (dengan pemberian nikmatNya yang melimpah-limpah); dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi; Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang berbuat kerosakan.*

Justeru, tanggungjawab bekerja hendaklah dipikul dengan jujur. Setiap kali kita melaksanakan tugas untuk mencari rezeki yang halal, ia adalah salah satu bentuk pengabdian diri kita kepada Allah *subhanahu wata'ala*. Bahkan Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* juga telah memaparkan beberapa etika pekerjaan untuk dijadikan sebagai tauladan. Maka dengan itu, pada kesempatan hari ini, izinkan saya berkongsi beberapa panduan yang dapat kita raih daripada Sunnah Nabi *sallallahu alaihi wasallam* berkaitan etika bekerja yang wajar kita terapkan di dalam kehidupan kerjaya kita.

Panduan yang pertama: Sentiasa bersikap produktif.

Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* mendorong kita untuk melaksanakan tugas dengan sebaik mungkin. Perhatikan sabda Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* di dalam hadis Urwah daripada ayahnya yang diriwayatkan oleh Ibnu Majah *rahimahullah*:

((لَأَنْ يَأْخُذَ أَحَدُكُمْ أَحْبَلَهُ فَيَأْتِيَ الْجَبَلَ فَيَجِيءُ بِحُزْمَةٍ حَطَبٍ عَلَى ظَهْرِهِ فَيَبِيعَهَا
فَيَسْتَعْنِي بِثَمَنِهَا خَيْرٌ لَهُ مِنْ أَنْ يَسْأَلَ النَّاسَ أَعْطَوْهُ أَوْ مَنَعُوهُ))

Maksudnya : *Sekiranya salah seorang daripada kamu mengambil tali dan membawanya ke gunung, lalu dia datang dengan membawa satu ikat kayu di belakangnya, kemudian menjualnya sehingga dapat memenuhi keperluannya adalah lebih baik daripada meminta-minta daripada manusia, sama ada mereka memberi ataupun tidak.*

Ingatlah bahawa seorang Mukmin itu adalah insan yang produktif. Beliau tidak hanya berduduk diam dan berpeluk tubuh, mengadu kesempitan masa dan harta. Meskipun apa jua cabaran yang dihadapi, seorang Mukmin itu tidak hanya mengharap kepada bantuan orang lain, beliau juga turut memainkan peranannya untuk menjana keperluan dirinya dan juga keluarga.

Panduan yang kedua: Bijak mengurus masa dan tugas yang diberikan.

Dalam hal ini Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* memberikan peringatan kepada kita untuk memanfaatkan masa dan tidak mensia-siakan nikmat tersebut. Sabda Rasulullah *sallallahu alaihi*

wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari *rahimahullah* yang bermaksud :

((*Dua nikmat yang ramai manusia tertipu, iaitu nikmat sihat dan masa lapang*))).

Justeru, apabila kita diberikan tempoh untuk menjalankan tugas dalam masa ditetapkan, maka janganlah kita mencuri tulang dan menanggung tugas hari ini kepada hari esok. Sebaliknya, kita perlu melatih diri untuk bijak mengurus masa dan mengutamakan tugas yang diberikan.

Bahkan, seharusnya seorang mukmin itu sentiasa menjaga masanya. Kita dididik oleh Islam untuk menjadi insan yang berdisiplin. Setiap hari, sepanjang hayat, kita memerhatikan perjalanan masa. Kerana ingin menjaga waktu-waktu ibadah solat. Bilakah permulaan dan penghujung ibadah berpuasa? Bilakah permulaan dan penghujung bulan-bulan Islam?

Setiap detik dan masa yang berlalu itu berharga buat diri setiap individu. Ia merupakan asas bagi menghasilkan prestasi kerja yang bermutu tinggi.

Tarbiyah ini melatih diri kita untuk menjadi lebih berdisiplin dalam kehidupan seharian kita. Begitu juga dalam menjalankan tugas dengan tekun dan cekap. Apabila segala pekerjaan yang diterima dirancang dengan teliti, nescaya kualiti kerja kita akan bertambah baik.

Pekerja yang bijak mengurus juga tidak akan mudah goyah tatkala dihadapkan dengan pelbagai tugas dan tanggungjawab. Sebabnya, masa di pejabat akan dimanfaatkan dengan sepenuhnya. Dia menjadi insan yang tekun melaksanakan tugas dengan penuh amanah. Serta tidak mudah lalai dengan gangguan-gangguan lain, seperti telefon bimbit, melayari laman media sosial dan sebagainya.

Kalimat “insyallah” yang diajar Islam, tidaklah seharusnya menjadi alasan untuk kita lewat-lewatkan tugas, seperti yang disalahgunakan sebahagian individu. Bahkan kalimat suci tersebut, yang membawa maksud: Sekiranya Allah menghendaki, manifestasi keimanan seseorang, yang menyerahkan kepada Allah segala urusannya. Bahawa beliau hanya mampu untuk merencana, dan Allah lah yang menetapkan segalanya.

Panduan yang terakhir: Sentiasa berusaha untuk mempertingkatkan kemahiran.

Islam mendorong kita agar sentiasa berusaha untuk mencapai ilmu pengetahuan yang membuahkan manfaat buat diri kita. Perhatikan firman Allah *subhanahu wata'ala* kepada Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* di dalam surah Taha, ayat 114:

... وَقُلْ رَبِّ زِدْنِي عِلْمًا ﴿١١٤﴾

Maksudnya : ... dan berdoalah dengan berkata: "Wahai Tuhanku, tambahkanlah ilmuku.

Peringatan ini begitu ketara di dalam konteks dunia hari ini, sama ada di dunia pekerjaan bahkan sehinggakan di luar pekerjaan. Seorang mukmin, akan sentiasa mendahagakan ilmu pengetahuan. Kerana ilmu merupakan cahaya bagi setiap orang untuk mengenali yang haq dan yang batil. Ilmu membolehkan seseorang insan untuk mengenali al-Khaliq, penciptaNya. Ilmu juga yang akan meningkatkan kedudukannya dan melaluinya seorang insan memperolehi kemuliaan. Dan melalui ilmu juga seseorang itu kembali merendah diri, kerana akur bahawa Allah *subhanahu wata'ala* adalah punca segala ilmu pengetahuan.

Dalam dunia pekerjaan pula, kita akur dengan fakta bahawa dunia itu sentiasa berubah, disebabkan perkembangan ekonomi dan teknologi yang pesat berlaku. Suatu perkara yang menjadi kebiasaan suatu ketika dahulu, mungkin sudah tidak lagi relevan buat masa ini. Justeru, adalah menjadi tanggungjawab kita tatkala berhadapan dengan cabaran ini, untuk mempersiapkan diri dengan menuntut ilmu, serta meraih kemahiran-kemahiran yang sesuai dengan peredaran zaman.

Maka gunakan kesempatan yang tersedia ada untuk kita meningkatkan kemahiran diri kita, sama ada dengan menjalani kursus-kursus latihan, menyambung pelajaran, ataupun dengan melengkap diri dengan kemahiran baru.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Sebagai umat yang mencintai baginda Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* sewajarnya kita mencontohi akhlak baginda dan

melaksanakan apa yang diperintahkan. Oleh itu, marilah kita sama-sama berusaha untuk melaksanakan tugas-tugas harian kita dengan penuh etika. Insya Allah, dengan usaha yang kita lakukan ini akhirnya akan dapat melahirkan masyarakat yang maju dan berjaya di dunia serta di akhirat kelak. Amin Ya Rabbal 'Alamin.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَقُلِ اعْمَلُوا فَسَيَرَى اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ وَسَتُرَدُّونَ إِلَىٰ عِلْمِ الْغَيْبِ
وَالشَّهَادَةِ فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿٥٦﴾

Maksudnya : *Dan katakanlah (wahai Muhammad): Beramallah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah dan RasulNya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) yang mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian Ia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا،
وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ .

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِّيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Ampunkanlah dosa dan kesalahan kaum muslimin dan muslimat, mukminin dan mukminat, sama ada yang masih hidup ataupun yang telah meninggal dunia. Ya Allah ! Ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia ini, lebih-lebih lagi di akhirat kelak.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada *Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia*, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya *Tuan Yang Terutama Pemangku Yang di-Pertua Negeri Sarawak*.

Ya Allah, kami bersyukur ke hadratMu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara kami, khususnya Negeri Sarawak yang tercinta ini, sebagai sebuah negeri yang maju dan sejahtera.

Justeru, kami pohon ke hadratMu ya Allah, buat kami semua dan generasi muda dalam kalangan remaja dan belia generasi pelapis negara dan negeri kami ini, kukuhkanlah iman kami, tingkatkanlah amal ibadah kami, suburkanlah peribadi kami dengan budi pekerti dan akhlak yang mulia, eratkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan keterampilan yang bermanfaat, bimbinglah kami ke jalan yang Engkau redhai, hindarkanlah kami daripada terlibat dalam apa jua unsur negatif yang boleh menjatuhkan maruah diri, keluarga, masyarakat dan negara, lindungilah kami daripada ujianmu seperti banjir besar, kemarau panjang, wabak penyakit, persengketaan, kemiskinan dan kebuluran. Kami berlindung dan bermohon denganMu Ya Allah, semoga negeri kami akan sentiasa bertambah aman, makmur dan berkat.

رَبَّنَا أُنْتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ، أَمِينَ يَا رَبَّ
الْعَالَمِينَ. عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ.
وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ
يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.